

# DBKL wajar tanam pokok lasak sesuai cuaca semasa

M Faisal,  
Kuala Lumpur

**Kejadian** pokok tumbang yang menyebabkan kehilangan nyawa seorang pengguna jalan raya di ibu kota baru-baru ini adalah tragedi malang dan menyedihkan.

Susulan kejadian itu, kita melihat kontraktor dilantik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang giat menebang pokok besar di lokasi tertentu termasuk di kawasan perumahan awam.

Sebenarnya sejak 2019, sebanyak 175 pokok di ibu kota dikategorikan sebagai berisiko tinggi oleh DBKL dengan 147 daripadanya sudah pun ditebang.

Penebangan pokok yang sebahagiannya berusia 50 tahun ke atas ini tidak dapat dielakkan bagi mengelakkan berulangnya tragedi pohon tumbang hingga menyebabkan ada nyawa terkorban.

Namun, saya berharap supaya DBKL dapat menggantikan semula pokok besar yang terpaksa ditebang itu dengan pokok baharu yang lebih sesuai serta lasak dengan cuaca semasa. Hal ini tentulah disebabkan perubahan cuaca kebelakangan ini agak ekstrem.

Dalam pada itu, pokok yang sudah dipastikan masih kuat dan selamat oleh pakar bertauliah tidak perlu ditebang memadai dengan memotong dahan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

Pokok dan tumbuhan redup masih diperlukan kerana dapat menyejukkan suasana ketika cuaca panas melampau, menjadi penahan hujan, penebat bunyi serta menjadi tempat tinggal kepada hai-

wan kecil seperti tupai. Kehadiran pokok redup dapat mencantikkan pemandangan persekitaran dan mengelakkan Kuala Lumpur menjadi hutan batu semata-mata.

Saya pernah beberapa kali ke Singapura dan mendapati negara berkenaan layak digelar kota dalam taman kerana banyaknya pohon redup di pinggir jalan, malah di sepanjang pembahagi lebuhraya. Persekitaran nyaman ini benar-benar mesra pejalan kaki yang menggunakan pengangkutan awam seperti bas dan tren.

Difahamkan Lembaga Taman Negara (NParks) Singapura turut menebang pohon besar yang berpotensi tumbang, tetapi pada masa sama mereka mempunyai sasaran untuk menanam sehingga 50,000 pokok dalam setahun.

Mungkin kita boleh belajar daripada pengalaman NParks menguruskan pokok berusia antara 50 hingga 100 tahun yang berstatus pokok warisan ini. Namun, pada masa sama kita perlu memastikannya tidak mendatangkan risiko pula kepada orang awam.



Kejadian pokok tumbang menyebabkan seorang maut dan lebih 10 kenderaan remuk teruk dihempap pokok di Jalan Sultan Ismail pada 7 Mei, lalu.  
(Foto Aswadi Alias/BH)